

UMNO perlu dekati pemimpin Pas

KUALALUMPUR 15 Nov. - Para pemimpin UMNO digesa merapatkan hubungan dengan pemimpin Pas dalam usaha menguatkan kedudukan bangsa Melayu.

Wakil Terengganu, Datuk Rosli Mat Hassan berkata, dalam mencapai usaha itu kepentingan sempit parti perlu diketepikan bagi menangani cabaran yang wujud, termasuk penyebaran dan pemahaman Islam Hadhari.

Ahli Parlimen Dungun itu berkata, adalah menjadi tanggungjawab pemimpin UMNO untuk merapatkan hubungan dengan pemimpin Pas dan mendekati mereka.

"Gagasan Barisan Nasional (BN) adalah untuk kepentingan masa depan kaum kita.

"Kita tidak boleh berpecah tetapi perlu ada pemantapan," katanya semasa membahaskan usul ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO 2006 di sini hari ini.

Menyentuh isu pemilikan ekuiti bumiputera, Rosli berkata, perbincangan perlu diadakan bersama pemilik syarikat-syarikat korporat Cina.

Beliau berkata, syarikat-syarikat korporat Cina perlu membenarkan 30 hingga 40 peratus perniagaan mereka disalurkan kepada ahli korporat Melayu yang berwibawa.

Beliau juga mahu pemilikan ekuiti bumiputera bukan setakat terhad kepada syarikat-syarikat senaraian awam tempatan tetapi juga dalam pasaran global.

Dalam pada itu, Rosli mahu Kementerian Pengajian Tinggi meneliti semula sistem pemilihan pemimpin pelajar di institusi pengajian "tinggi (IPT) awam.

"Saya tidak faham, adakah kita tidak boleh mengawal para pelajar ini? Adakah para pentadbir IPT sengaja tidak mahu berbuat apa-apa?

"Saya berharap tidak ada lagi IPT milik kerajaan yang ada parti yang menyokong dan membangkang kerajaan selepas ini," katanya.